

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

6

Nasional

Jumaat, 16 Jun 2023 BH

PM perlu ketuai usaha reformasi elak pelan gagal

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu mengetahui usaha reformasi pelaksanaan strategi reformasi yang digariskan dalam Kertas Putih Kesihatan bagi mengelak semua perancangan itu 'mati sebelum lahir'.

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor), berkata ia berikutan pelaksanaan semua reformasi yang dicadangkan dalam Kertas Putih Kesihatan menuntut komitmen besar rentas Kementerian dan agensi, memandangkan ia menyentuh pelbagai isu dan sektor.

Sehubungan itu, katanya, Perdana Menteri perlu mengetahui usaha reformasi berkenaan dengan meletakkan Kertas Putih Kesihatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) serta kementerian lain yang berkaitan.

"Andainya reformasi ini tidak dikemudi Perdana Menteri dengan komitmen rentas kementerian, saya khuatir Kertas Putih Kesihatan ini akan *dead in the water* (gagal), mati ketika belum lahir," katanya ketika membahaskan usul Kertas Putih Kesihatan di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, Dzulkefly yang juga bekas Menteri Kesihatan berkata, gesaan itu penting memandangkan 80 peratus faktor yang memberi impak kepada tahap kesihatan rakyat adalah membabitkan perkara di luar fasiliti kesihatan.

Katanya, hanya 20 peratus cabaran sektor kesihatan negara merangkumi isu penjagaan pesakit dan populasi, manakala 80 peratus adalah membabitkan perkara lain seperti kemiskinan, pendidikan, alam sekitar dan sebagainya.

Pada masa sama, beliau mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Tabung Kesihatan Dana yang akan menghimpunkan semua dana berkaitan untuk digunakan bagi tujuan kesihatan.

Katanya, ia selaras dengan satu cadangan di dalam Kertas Putih Kesihatan yang mahu peruntukan kerajaan untuk pengurusan kesihatan awam di tingkatkan kepada lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Jelasnya, cadangan itu berikutan kerajaan tidak boleh bergantung penuh pada cukai untuk mencapai kadar peruntukan lima peratus daripada KDNK untuk sektor kesihatan, memandangkan jumlahnya terlalu besar.

Sidang Dewan Rakyat

Kertas Putih Kesihatan diluluskan

Usul dapat sokongan majoriti ahli Parlimen selepas hampir 4 jam dibahaskan

Oleh Rohaniza Idris,
Ahmad Suhail Adnan
dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kertas Putih Kesihatan yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam diluluskan selepas mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen.

Usul Kertas Putih yang menggariskan strategi reformasi kesihatan negara untuk 15 tahun akan datang itu diluluskan melalui undian suara pada hari terakhir Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parlimen Ke-15, selepas hampir empat jam dibahaskan yang membabitkan 28 Ahli Parlimen.

Usul Kertas Putih Kesihatan yang mengandungi empat tonggak dan 15 strategi utama untuk mereformasi sistem kesihatan negara secara sistematis dalam tempoh 15 tahun akan datang dibentangkan Menteri Kesihatan,

Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, tonggak dan strategi reformasi dalam kertas putih itu berpandukan lima aspirasi kesihatan yang dimahukan rakyat, hasil libat urus kementerian bersama 847 agensi dan 7,729 wakil antara Mac tahun lalu hingga bulan ini.

Katanya, libat urus itu mendedahkan aspirasi rakyat menjurus kepada mewujudkan sebuah negara sihat, memiliki sistem kesihatan saksama dan berpaksikan rakyat serta berdaya tahan, ekosistem kesihatan terbuka dan inovatif dan sistem kesihatan dihargai dan dibanggakan.

Daripada aspirasi itu, katanya, empat tonggak yang digariskan adalah mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kesihatan; mempertingkatkan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit; memastikan pembiayaan yang mampan dan saksama; serta memperkukuhkan landasan dan asas sistem kesihatan serta tadbir urus.

"Antara impak yang akan diperolehi hasil reformasi sistem kesihatan ini adalah peningkatan akses rakyat kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan saksama, memantapkan perlindungan sosial dan perlindungan risiko kewangan dan memastikan sistem kesihatan negara yang lebih mampan dan berdaya tahan.



Reformasi sistem kesihatan bakal tingkatkan akses rakyat kepada perkhidmatan kesihatan lebih berkualiti dan saksama. (Foto hiasan)

"Selain itu, ia menjamin kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta secara langsung memacu pertumbuhan ekonomi negara sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

"Jika kertas putih ini diterima pakai oleh ahli Dewan yang mulia ini, strategi dalam Kertas Putih Kesihatan akan segera diperincikan dan pelan implementasi akan dibangunkan supaya usaha yang penting dan kritikal ini tidak dilengahkan lagi demi kesejahteraan rakyat dan negara," katanya.

Perinci cabaran utama

Mengulas lanjut, Dr Zaliha memaklumkan dokumen setebal 57 halaman itu memperincikan beberapa cabaran utama dihadapi sektor kesihatan negara, antaranya peningkatan penyakit berjangkit dan beban penyakit kronik, insiden kanser di Malaysia serta prevalen masalah kesihatan mental penduduk berusia 16 tahun ke atas yang semakin melarat.

Sementara itu, Dr Zaliha memaklumkan, jumlah pesakit di kendalikan klinik kesihatan kerajaan seluruh negara ketika ini jauh melepasi kapasiti, sekali gus menyebabkan fasiliti dan petugas perubatan awam terbeban.

Klinik kesihatan kerajaan ha-

nya merangkumi 28 peratus daripada keseluruhan fasiliti penjagaan kesihatan primer, tetapi mengendalikannya hampir 64 peratus daripada lawatan pesakit luar.

Katanya, situasi itu menyebabkan fasiliti dan anggota di sektor awam terbeban, khususnya ketika kemuncak pandemik COVID-19.

"Sistem penyampaian penjagaan kesihatan negara yang bersifat dikotomi dan tidak berintegrasi telah menyumbang kepada pengalihan perkhidmatan dan sumber kesihatan yang tidak seimbang di Malaysia," katanya.

Dalam pada itu Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan peningkatan hampir tiga kali ganda dalam kes kesihatan mental dalam kalangan penduduk berusia 16 tahun ke atas.

Dr Zaliha berkata peningkatan daripada 11 peratus pada 1996 kepada 29 peratus pada 2015 itu, menunjukkan masalah kesihatan mental bagi penduduk berusia 16 tahun ke atas semakin melarat.

"Selain itu, 12 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 15 tahun didapati mengalami masalah kesihatan mental pada 2015.

"Besarnya kemungkinan, semasa pandemik COVID-19 masalah kesihatan mental lebih tinggi," katanya.

Gesa tangguh naik fi rawatan di fasiliti awam

Kerajaan digesa menangguhkan cadangan menaikkan kadar fi atau bayaran dikenakan kepada rakyat untuk mendapatkan rawatan di fasiliti penjagaan kesihatan awam.

Tan Sri Muhyiddin Yassin (PN-Pagoh) meminta perkara itu diteliti semula dan tidak dilaksanakan tergesa-gesa kerana ini akan menambah lagi beban rakyat.

"Rakyat masa ini sedang menanggung sengsara akibat kenaikan harga barangan keperluan harian, kenaikan kadar inflasi, kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR) dan terbaharu tarif elektrik," katanya ketika membahaskan Kertas Putih Kesihatan di Dewan Rakyat.

Muhyiddin mencadangkan ba-

gi meringankan beban rakyat, kerajaan boleh mengecualikan golongan B40 daripada dikenakan bayaran.

Kewangan lebih teruk

Katanya, berdasarkan kajian kerajaan ramai yang tidak tergolong dalam kelompok B40 sudah jatuh miskin akibat kenaikan kos sara hidup mendadak.

"Dalam beberapa kajian saya lihat, termasuk dikeluarkan Merdeka Center baru-baru ini, majoriti rakyat berasakan kedudukan kewangan peribadi mereka tahun ini lebih teruk berbanding tahun lalu dan ini tidak terhad kepada B40 sahaja," katanya.

Mengulas cadangan pembelian strategik, katanya beliau berse-
tuju langkah itu boleh dilaksa-

nakan bagi memastikan pembiayaan kesihatan mampan dan saksama.

Katanya, langkah itu juga mampu mempercepatkan pencapaian Liputan Kesihatan Sejagat sebagaimana disarankan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Untuk tempoh ke hadapan, program pembelian strategik wajar diberikan keutamaan, tetapi dengan beberapa perincian.

"Pertama, pembekal perkhidmatan kesihatan mestilah dipaparkan memenuhi standard pencapaian yang ditentukan kerajaan.

"Kedua, mesti ada struktur tadbir urus komprehensif untuk memantau kualiti perkhidmatan yang diberikan agar setimpai nilai wang dibelanjakan.

"Ketiga, ia mesti lebih menjamin perbelanjaan kesihatan ditanggung rakyat," katanya.

Beliau juga memperincikan kandungan Kertas Putih itu tidak memperincikan badan akan dilantik sebagai Pembeli Strategik yang diasingkan daripada fungsi Kementerian Kesihatan (KKM).

"Disebut di dalam Kertas Putih ini, KKM akan distruktur semula di mana fasiliti sektor awam akan menjalankan peranan sebagai penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan, manakala Pembeli Strategik yang bukan berasaskan keuntungan pula bertanggungjawab memperoleh perkhidmatan penjagaan kesihatan daripada sektor awam dan swasta," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Skim Perubatan MADANI

700,000 isi rumah terima manfaat

Insentif dilaksanakan kerajaan melalui peruntukan RM100 juta ringan beban rakyat

Chah Mustafiz Iskandar, Theanahm
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Skim Perubatan MADANI yang bermula semalam, dijangka memberi manfaat kepada 700,000 isi rumah dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata penerima manfaat termasuk penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR), boleh mendapatkan beberapa kali rawatan percuma sehingga peruntukan bagi setiap isi rumah habis.

Katanya, skim dilaksanakan secara rintis di 10 daerah itu, memperuntukkan RM250 bagi se-

tiap isi rumah berkeluarga, war-ga emas tanpa pasangan (RM125) dan bujang (RM75).

"Rawatan pesakit luar kes akut percuma yang ditawarkan menerusi skim ini merangkumi rawatan bagi demam selesema, cirit-birit, muntah, terseliuh, sakit kepala, trauma ringan dan pelbagai lagi.

"Bagaimanapun, pakej rawatan skim ini tidak merangkumi rawatan akut seperti imunisasi rutin, saringan kesihatan, rawatan susulan penyakit tidak berjangkit, rawatan susulan ibu dan anak rutin, perancangan keluarga rutin, perkhidmatan rehabilitasi serta permohonan ubat-ubatan dan suplemen tanpa konsultasi doktor," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ketika pembentangan Bajet 2023, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengumumkan Skim Perubatan Madani sebagai antara inisiatif kerajaan bagi mengatasi isu kesesakan pesakit di hospital kerajaan.

Ia bertujuan membantu golongan B40 mendapatkan perkhid-

matan penjagaan primer akut (rawatan pesakit luar kes akut) di klinik pengamal perubatan swasta umum (GP) berhampiran, sekali gus mengurangkan kesesakan dan waktu menunggu pesakit di kemudahan kesihatan kerajaan.

Dr Zaliha berkata, program rintis skim berkenaan bermula di 10 daerah iaitu Gombak, Hulu Langat, Klang dan Petaling (Selangor), Kuala Lumpur, Kinta (Perak), Timur Laut (Pulau Pinang), Johor Bahru (Johor), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak) bermula semalam hingga 31 Disember depan.

"Skim Perubatan Madani ditawarkan secara automatik kepada penerima STR dengan membantu menampung kos rawatan kes akut. Perkhidmatan percuma ditawarkan adalah seperti konsultasi, pemeriksaan, ubat-ubatan, prosedur dan rujukan akan diberikan di GP kepada penerima manfaat mengikut pakej ditentukan," katanya.

Penerima manfaat termasuk penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR), boleh mendapatkan beberapa kali rawatan percuma sehingga peruntukan bagi setiap isi rumah habis

Dr Zaliha Mustafa,
Menteri Kesihatan



"Pendaftaran adalah tidak diperlukan untuk menikmati manfaat Skim Perubatan Madani bagi penerima STR dan tanggunannya, sebaliknya mereka hanya perlu membawa kad pengenalan semasa mendapat rawatan di GP berkenaan," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) melalui ProtecHealth menyasarkan 700 GP untuk mendaftar sebagai panel Skim Perubatan Madani menjelang September depan.

"Ketika ini empat sesi penerangan dan latihan kepada GP sudah dijalankan dan dijangka 10 sesi lagi akan dijalankan bagi mencapai sasaran GP yang berdaftar untuk skim ini," katanya.

Inisiatif kurangkan beban fasiliti kesihatan awam

Kuala Lumpur: Skim Perubatan MADANI yang dilaksanakan kerajaan dilihat sebagai strategi serampang dua mata dalam mengurangkan beban rakyat mendapatkan rawatan kesihatan.

Pengamal perubatan swasta, Dr Riza Hartini Razali, berkata inisiatif berkenaan berbaloi kerana pesakit yang layak akan diberi peruntukan mendapatkan rawatan perubatan di klinik swasta.

Pada masa sama, katanya, beban petugas kesihatan dan kesesakan di hospital atau klinik kesihatan kerajaan juga dapat dikurangkan.

"Skim berkenaan turut menyediakan peruntukan kepada pengamal perubatan swasta melakukan pemeriksaan kesihatan seperti ujian darah, ujian air kencing dan lain-lain.

"Sebelum ini, ia hanya membabitkan beberapa jenis rawatan dan pemeriksaan yang tidak menyeluruh.

"Dengan adanya skim ini, pesakit boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh," katanya kepada BH, semalam.

Dr Riza Hartini berkata, pesakit juga tidak perlu bergantung kepada klinik kesihatan semata-mata untuk mendapatkan rawatan, terutama di kawasan yang mana lokasinya agak jauh.

Sehubungan itu, beliau berharap skim berkenaan dapat diperluas ke seluruh negara secara berperingkat dan dipromosi di semua platform media supaya orang ramai lebih cakna mengenai inisiatif kerajaan.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, mengumumkan skim yang dilaksanakan bermula semalam sehingga 31 Disember itu ditawarkan secara automatik kepada penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) bagi mendapatkan per-



Manjit Kaur menerima rawatan melalui Skim Perubatan MADANI di Klinik Qualitas Health Poliklinik Central & Surgeri di Setapak, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

khidmatan kesihatan.

Beliau berkata, mereka boleh mendapatkan rawatan menerusi program rintis skim itu di pengamal perubatan swasta umum (GP) yang berdaftar di 10 daerah terpilih.

Ia membabitkan Gombak, Hulu Langat, Klang dan Petaling (Selangor), Kuala Lumpur, Kinta (Perak), Timur Laut (Pulau Pinang), Johor Bahru (Johor), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak).

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MUKA SEPULUH

Reformasi kesihatan jadikan negara berdaya tahan, kalis masa depan

● Ekosistem penjagaan kesihatan kondusif untuk generasi muda, golongan dewasa dan warga emas menjadi fokus reformasi kesihatan

● Budaya kerja, amalan harian baharu dapat pastikan setiap tonggak dalam Kertas Putih Kesihatan dapat dicapai dan dinilai lebih objektif



Profesor (KHAIR)
Fakulti Farmasi,
University College MAIWP
International (UCMI)

Oleh Prof Dr Azizi Ayob
bhrencana@bh.com.my

Kertas Putih Kesihatan bertajuk 'Demi Masa Depan Kita' disediakan Kementerian Kesihatan (KKM) dibentangkan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa di Persidangan Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Ke-15 semalam. Dokumen setebal 57 halaman itu dengan fokus kepada pelbagai langkah reformasi sektor kesihatan dalam tiga fasa secara berperingkat selama 15 tahun itu, turut menjadi fokus Minda Pengarang BH pada hari sama.

Kertas Putih Kesihatan itu adalah cadangan KKM komprehensif untuk keperluan melaksanakan reformasi

secara sistemik dan struktural terhadap sistem kesihatan negara bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

Reformasi kesihatan di sini bermaksud perubahan dan pembaharuan terhadap sistem sedia ada, menuju kepada keadaan lebih baik serta mampu untuk masyarakat dan negara amnya.

Ia juga menjadi benteng dan persediaan negara menangani pelbagai cabaran, sekali gus memastikan sistem kesihatan lebih saksama, dinamik kepada perubahan semasa dan berdaya tahan.

Tidak dinafikan sistem penjagaan kesihatan di negara ini sejak kemerdekaan mencapai pelbagai proses perubahan dalam pelbagai sektor seperti boleh dilihat beberapa peningkatan prestasinya berbanding banyak negara berpendapatan sederhana lain.

Jangka hayat rakyat Malaysia

Ini termasuk jangka hayat rakyat Malaysia ketika lahir semakin meningkat dan peningkatan jangka hayat ketika lahir. Secara purata, bayi lelaki dan perempuan dilahirkan pada 1970-an masing-masing hidup hingga 61.6 dan 65.6 tahun.

Bagaimanapun, bayi lelaki dan perempuan baru lahir pada 2020 masing-masing dijangka hidup hingga 72.5 dan 77.2 tahun secara purata.

Kadar kematian kanak-kanak dan ibu bersalin pula didapati mengalami penurunan. Bilangan kematian bayi berumur kurang 28 hari atau kadar kematian neonatal, mencapai 3.9 kematian setiap 1,000 kelahiran hidup pada 2020 berbanding 16 kematian setiap 1,000 kelahiran hidup pada 1970.

Kadar kematian ibu bersalin juga menurun, daripada 140.8 kematian setiap 100,000 kelahiran hidup pada 1970 kepada 24.9 kematian setiap 100,000 kelahiran hidup pada 2020.

Namun, statistik penyakit tidak berjangkit

(NCD) juga dikenali penyakit kronik di negara ini menjadi penyebab kematian dan beban penyakit utama.

Trend sejak sedekad lalu, penyebab kematian adalah berkaitan NCD seperti penyakit kardiovaskular (penyakit jantung dan strok), penyakit saluran pernafasan kronik, kanser dan kencing manis. Malaysia tidak terkecuali sama seperti negara lain, kes NCD semakin meningkat.

Sesi libat urus bahil pihak berkepentingan

Berbalik kepada dokumen penyediaan Kertas Putih Kesihatan, KKM membuat penilaian daripada beberapa kajian sistemik serta sesi libat urus membabitkan pihak berkepentingan.

Hasil inisiatif ini, beberapa aspirasi digaris dan ditekankan termasuk konsep negara sihat, sistem kesihatan saksama dan berpaksihan rakyat, berdaya tahan, ekosistem kesihatan terbuka dan inovatif serta dihargai dan dibanggakan semua.

Berdasarkan aspirasi ini, jelas setiap pihak mahukan sistem penyediaan dan penjagaan kesihatan menyeluruh dalam setiap sudut kehidupan, akhirnya melahirkan rakyat sihat dari segi mental, fizikal dan spiritual.

Ekosistem penjagaan kesihatan kondusif untuk generasi muda, dewasa dan tua atau warga emas juga menjadi fokus reformasi kesihatan perlu diambil kira sebaiknya. Aspirasi lain perlu diberi fokus ialah penekanan kepada perkhidmatan preventif dan promotif untuk semua peringkat umur kerana statistik semasa NCD membimbangkan semua pihak.

Reformasi kesihatan ini akan memberi fokus amalan gaya hidup sihat adalah tanggungjawab secara kolektif dan perlu lebih banyak perubahan persekitaran turut membantu.

Berdasarkan aspirasi dan maklum balas dikenal pasti, dokumen Kertas Putih Kesihatan mencadangkan empat tonggak dalam reformasi sistem kesihatan. Tonggak pertama, mentransformasikan penyampaian sistem kesihatan.

Ini termasuk tumpuan kepada reformasi perkhidmatan penjagaan kesihatan primer dengan memperuntukkan lebih banyak sumber untuk kesihatan seperti pembiayaan, sumber manusia, fasiliti serta kelengkapan peralatan.

Tonggak kedua, mempertingkatkan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit dengan memberi fokus kepada peralihan merawat pesakit kepada paradigma pencegahan baharu dan lebih inovatif termasuk penggunaan teknologi kesihatan digital, pengumpulan data, analisis serta kaedah pemantauan penyakit lebih maju.

Tonggak ketiga, memastikan pembiayaan kesihatan mampan dan saksama dan reformasi berkaitan tonggak ini termasuk peranan kerajaan dalam memastikan liputan kesihatan sejagat ter-

pelihara dan menjamin risiko kewangan individu apabila jatuh sakit.

Peruntukan secukupnya perlu dipastikan supaya reformasi pembiayaan kesihatan memanfaatkan semua rakyat, manakala tonggak keempat adalah memperkuatkan landasan dan tadbir sistem kesihatan termasuk reformasi akan dilakukan melalui penstrukturan semula, menambah baik sistem tadbir urus dan pengawasan sistem kesihatan secara keseluruhan.

Dalam melaksanakan reformasi kesihatan ini, pelbagai cabaran akan dihadapi terutama mengubah kaedah bekerja, prosedur, polisi semasa, tindakan susulan serta cara berfikir untuk melaksanakan paradigma berkenaan.

Budaya kerja dan amalan harian baharu sangat ditekankan supaya reformasi kesihatan akan menuju kepada setiap tonggak pencapaian serta dapat dinilai lebih objektif. Justeru, dokumen Kertas Putih Kesihatan ini menggariskan tiga fasa secara berperingkat selama 15 tahun dengan setiap fasa dikenali pasti anggaran garis masa pencapaian.

Fasa pertama akan menekankan reformasi sistem kesihatan ke atas pembinaan kerangka asas dalam tempoh beberapa tahun berikutnya. Dengan kata lain, fasa pertama ini sangat kritikal untuk memastikan perubahan dan pencapaian pada tonggak berkenaan dapat dicapai sebaiknya.

Secara keseluruhan, dokumen Kertas Putih Kesihatan mencerminkan usaha kolektif setiap pihak daripada pelbagai latar belakang sama ada individu atau berkumpulan dan mereka memberi maklum balas dan mencadangkan kepada pihak berwajib beberapa aspirasi dari pelbagai sudut dan sektor kesihatan.

Pembentangan Kertas Putih Kesihatan di Parlimen untuk pembahasan ahli Parlimen adalah proses penambahbaikan dan ingin melihat kepada ruang masih belum diperbaiki berdasarkan sistem kesihatan sedia ada.

Hasil reformasi sistem penjagaan kesihatan ini seharusnya memberi manfaat kepada rakyat yang akan semakin sihat apabila mengamalkan reformasi sistem penjagaan kesihatan itu nanti.

Pelbagai tema dan penanda aras boleh diadakan dalam mana-mana dokumen kertas putih, tetapi reformasi hanya akan berlaku apabila semua pihak mengambil langkah proaktif dan terbabit secara langsung mengambil tanggungjawab sebaiknya. Semua pihak wajar memperkasakan kesihatan rakyat dan memastikan kesihatan negara berdaya tahan dan kalis masa depan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

Kuantan: Seorang pelajar lelaki sebuah sekolah menengah didapati tidak sedarkan diri akibat mengalami kelesuan haba di daerah Pekan, semalam.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, pihaknya dimaklumkan kes berkenaan dirujuk dari Hospital Pekan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini.

Katanya, pesakit berusia 15 tahun dari sebuah sekolah di Pekan didapati tidak sedarkan diri ketika melakukan aktiviti larian sejauh lebih empat kilometer.

"Pemeriksaan awal di Hospital Pekan mendapati pesakit mengalami simptom seperti suhu badan ter-

Pelajar tingkatan tiga alami kelesuan haba



Pelajar ini diberi rawatan hidrasi dan rawatan supportive. Dia dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) HTAA dan keadaannya semakin stabil"

Dr Nor Azimi

lampau tinggi iaitu melebihi 39 darjah selsius, degupan jantung meningkat serta percakapan dan fungsi

otak terjejas.

"Pelajar ini diberi rawatan hidrasi dan rawatan *supportive*. Dia dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) HTAA dan keadaannya semakin stabil," katanya.

Menurutnya, pihaknya menasihatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati dan mengehadkan aktiviti di luar ketika cuaca panas.

Katanya, orang ramai perlu menggunakan pelindung diri dan sentiasa mengekalkan tahap hidrasi untuk mengawal atur suhu badan serta mengawasi gejala keletihan dan strok haba.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL

Bernama

SKIM PERUBATAN MADANI

Putrajaya

Skim Perubatan Madani yang bermula semalam, sehingga 31 Disember ditawarkan secara automatik kepada penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan, kata Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa.

Menerusi kenyataan, beliau berkata, penerima STR boleh mendapatkan rawatan menerusi program rintis skim itu di pengamal perubatan swasta umum (GP) yang berdaftar di 10 daerah terpilih.

Ia membabitkan Gombak, Hulu Langat, Klang dan Petaling (Selangor), Kuala Lumpur, Kinta (Perak), Timur Laut (Pulau Pinang), Johor Bahru (Johor), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak).

"Pra-pendaftaran tidak diperlukan untuk menikmati manfaat Skim Perubatan Madani bagi pene-

rima STR dan tanggungan-

nya. "Mereka hanya perlu membawa kad pengenalan

semasa mendapat rawatan di GP yang berdaftar di bawah Skim Perubatan Madani," katanya.



Penerima STR dapat manfaat

Skim Perubatan Madani adalah inisiatif rintis kerajaan bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan B40, terutamanya dalam mendapatkan perkhidmatan penjagaan primer akut atau rawatan pesakit luar kes-kes akut di GP.

Skim itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika pembentangan Belanjawan 2023 Februari lalu dan ia satu daripada inisiatif kerajaan mengatasi isu kesesakan pesakit di kemudahan kesihatan kerajaan.

Dr Zaliha berkata, perkhidmatan percuma yang ditawarkan menerusi skim itu antaranya ialah kon-

sultasi, pemeriksaan, ubat-ubatan, prosedur dan rujukan.

Ia akan diberikan di GP kepada penerima manfaat mengikut pakej yang ditentukan.

Rawatan pesakit luar kes-kes akut percuma yang ditawarkan Skim Perubatan Madani merangkumi rawatan bagi demam selesema, cirit-birit, muntah, terseliuh, sakit kepala, trauma ringan dan pelbagai lagi.

Beliau berkata, pakej rawatan Skim Perubatan Madani tidak merangkumi rawatan bukan akut seperti imunisasi rutin, saringan kesihatan, rawatan susulan penyakit tidak berjangkit (NCD) rutin dan rawatan susulan ibu dan anak rutin.

"Perkhidmatan kesihatan bagi keadaan bukan akut yang tidak ditawarkan Skim Perubatan Madani boleh didapati di Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

Dr Zaliha berkata, peruntukan bagi setiap isi rumah

menerusi skim terbabit adalah sehingga RM250 bagi setiap isi rumah berketurunan, RM125 bagi warga emas (tanpa pasangan) dan RM75 bagi kategori bujang.

"Penerima manfaat boleh mendapatkan beberapa kali rawatan percuma sehingga peruntukan bagi setiap isi rumah habis," katanya.

Beliau berkata, fasa rintis Skim Perubatan Madani yang dilaksanakan di 10 daerah itu dijangka memberi manfaat kepada 700,000 isi rumah dengan peruntukan RM100 juta.

Beliau berkata, KKM melalui ProtectHealth menyasarkan 700 GP untuk mendaftar sebagai panel Skim Perubatan Madani menjelang September ini.

Maklumat lanjut berkaitan Skim Perubatan Madani, termasuk semakan kelayakan dan senarai klinik panel boleh didapati di laman web www.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani atau hubungi talian 03-8687 2525.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Kertas Putih Kesihatan diluluskan

KUALA LUMPUR - Dewan Rakyat pada Khamis, meluluskan usul Kertas Putih Kesihatan selepas mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen melalui undian suara pada hari terakhir Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen ke-15.

Kertas Putih Kesihatan menggariskan strategi reformasi kesihatan negara untuk tempoh 15 tahun itu, diluluskan selepas dibahas oleh 28 ahli Parlimen selama hampir empat jam.

Kertas Putih itu menggariskan empat tonggak dan 15 strategi reformasi kesihatan bagi mewujudkan satu sistem kesihatan yang memfokuskan kepada perkhidmatan pencegahan dan promotif supaya rakyat kekal sihat dan sejahtera.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa ketika sesi penggulung-



DR ZALIHA

an dokumen itu mengakui, Kementerian akan akses perkhidmatan kesihatan menjadi cabaran buat rakyat yang berdepan sistem kesihatan dengan sumber terhad.

"KKM sentiasa berusaha meningkatkan akses itu termasuk ke-

pada rakyat di luar bandar. Setiap tahun, Kementerian menambah baik kemudahan di fasiliti mengikut keperluan dan peruntukan yang diterima.

"Keutamaan akan diberikan kepada aspek perancangan dan pemantauan sumber agar rakyat luar bandar atau yang mempunyai kesukaran kepada akses dapat menerima perkhidmatan kesihatan mencukupi dan menangani ketidakseimbangan sistemik," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Penerima STR nikmati Skim Perubatan Madani

PUTRAJAYA - Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) akan menikmati Skim Perubatan Madani bermula 15 Jun sehingga 31 Disember ini.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, inisiatif tersebut merupakan program perantis yang diadakan di 10 buah daerah.

Ia melibatkan daerah Gombak, Hulu Langat, Klang dan Petaling (Selangor), Kuala Lumpur, Kinta (Perak), Timur Laut (Pulau Pinang), Johor Bahru (Johor), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak).

Menurutnya, skim tersebut bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan B40 terutama bagi mendapatkan perkhidmatan penjagaan primer akut iaitu rawatan pesakit luar kes-kes akut di premis pengamal perubatan swasta umum (GP).

"Skim ini ditawarkan secara automatik kepada penerima STR," katanya menerusi kenyataan pada Khamis.

Jelas beliau, perkhidmatan percuma yang ditawarkan adalah seperti konsultasi, pemeriksaan, ubat-ubatan, prosedur dan rujukan akan diberikan di GP kepada penerima manfaat mengikut pakej yang ditentukan.

"Penerima manfaat boleh mendapat beberapa kali rawatan percuma sehingga peruntukan bagi setiap isi rumah telah habis," ujarnya.

Menurut Dr Zaliha, peruntukan bagi setiap isi rumah adalah sehingga RM250 bagi setiap isi rumah berkeluarga, RM125 bagi warga emas tanpa pasangan dan RM75 untuk kategori bujang.

"Rawatan pesakit luar kes-kes akut percuma yang ditawarkan skim ini merangkumi rawatan bagi demam selesema, cirit birit, muntah, terseliuh, sakit kepala, trauma ringan dan pelbagai lagi.

"Pakej rawatan skim ini tidak merangkumi rawatan bukan akut imunisasi rutin, saringan kesihatan, rawatan susulan penyakit tidak berjangkit (NCD), rawatan susulan ibu dan anak, perancangan keluarga, perkhidmatan rehabilitasi serta permohonan ubat-ubatan dan suplemen tanpa konsultasi doktor," katanya.

Tambah beliau, fasa rintis skim berkenaan dijangka memberi manfaat kepada seramai 700,000 isi rumah dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.



DR ZALIHA

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Revolusi kesihatan awam

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan akan mengkaji menggabungkan dana-dana kesihatan bagi meningkatkan perkhidmatan untuk rakyat termasuk meningkatkan pelaburan dari 2.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekarang kepada lima peratus.

Itu antara inti pati Kertas Putih Kesihatan yang dibentangkan oleh Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa di Dewan Rakyat semalam.

Melaluinya, rakyat akan menerima perkhidmatan komprehensif dan tidak terikat kepada kemampuan individu melalui penyatuan dana-dana kesihatan agar membolehkan perkongsian risiko dan kewangan.

Ini sekali gus membawa pa-kej manfaat kesihatan dengan menyenaraikan perkhidmatan dan ubat-ubatan yang boleh diakses rakyat dan akan dibiayai melalui dana berkenaan dengan tadbir urus dan pengawasan yang jelas dan telus.

Pastikan rakyat dapat perkhidmatan komprehensif, tidak terikat kemampuan individu

Kertas Putih itu diluluskan selepas mendapat sokongan majoriti melalui undian suara pada hari terakhir Sidang Dewan Rakyat, selepas dibahaskan oleh 28 ahli Parlimen selama hampir empat jam.

Menurut Dr. Zaliha, strategi itu bagi memastikan pembiayaan kesihatan yang saksama di samping perlindungan risiko kewangan lebih baik dan kurangkan belanja duit poket sendiri.

Bersambung di muka 2



Lebuhraya SUKE 2 dibuka

FASA 2 Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) dibuka secara rasmi mulai tengah malam tadi. Sempena pembukaan itu, pengguna menikmati tol percuma selama dua minggu di Plaza Tol Alam Damai, Cheras. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO (Berita di muka 10)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Revolusi kesihatan awam

Dari muka 1

Selain itu katanya, dua lagi strategi dicadangkan adalah meningkatkan pelaburan kesihatan di bawah pengurusan sektor awam secara berperingkat kepada lima peratus KDNK.

Ini dengan mengambil kira kedudukan dan kemampuan fiskal kewangan kerajaan, kerjasama strategik pelbagai sektor dan penggunaan sumber serta aset merentasi pelbagai pihak berkepentingan.

“Struktur fi semasa di fasiliti penjagaan kesihatan awam akan disemak semula supaya subsidi penjagaan kesihatan didasarkan dengan lebih baik dan sistematik. Kementerian Kesihatan juga meneliti opsyen yang sesuai untuk menggembelng sumber pembiayaan kesihatan seperti opsyen skim caruman kesihatan progresif bagi memastikan kemampuan pembiayaan kesihatan.

“Selain itu memastikan perbelanjaan penjagaan kesihatan yang cekap dan berkesan dengan memperkukuhkan peranan pembelian strategik untuk membolehkan perolehan perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui model pembayaran yang inovatif dan berasaskan nilai.

“Pengagihan peruntukan dan sumber kesihatan juga akan ditambah baik supaya tertumpu ke arah intervensi yang lebih kos efektif dengan penekatan terhadap penjagaan kesihatan primer,” katanya.

